

Jenis Akhbar : Kosmo  
Tarikh : 06/08/2019  
Edisi / Muka Surat : Nasional / 17  
Tajuk : Sasar 100,000 jualan surat wasiat hingga hujung tahun

## Sasar 100,000 jualan surat wasiat hingga hujung tahun

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

KUALA LUMPUR - MyAngkasa Amanah Bhd. (MAAB) menyasarkan penjualan surat wasiat sebanyak 100,000 unit dengan anggaran nilai harta terkumpul sebanyak RM50 bilion menjelang hujung tahun ini.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, setakat ini, pihaknya berjaya mendaftarkan sebanyak 90,000 wasiat dan angka itu dijangka terus meningkat pada masa depan.

"Kami anggarkan nilai wasiat

seorang pelanggan berjumlah kira-kira RM500,000 berikutan melibatkan beberapa aset seperti rumah dan kereta. Jadi, jumlah keseluruhan wasiat diuruskan MAAB mampu mencecah sehingga RM50 bilion.

"Buat masa ini, MAAB masih mengekalkan harga mampu milik bagi produk penulisan wasiat berbanding syarikat amanah lain untuk menggalakan pelanggan membuat perancangan harta pusaka secara komprehensif," katanya pada majlis menandatangani perjanjian kerjasama strategik antara MAAB dengan Bank Simpanan

Nasional (BSN) di sini semalam.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif MAAB, Datuk Ahmad Saruji Abdul Aziz dan Ketua Eksekutif BSN, Datuk Yunus Abd. Ghani.

Tambah Abdul Fattah, menerusi kerjasama baharu itu, pihaknya berjaya menjual sebanyak 4,000 unit surat wasiat sejak awal tahun ini di 390 cawangan BSN seluruh negara.

"Kami turut menjangkakan mampu menjual 4,000 unit lagi wasiat kepada pelanggan baharu menjelang hujung tahun ini seterusnya menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 8,000 unit," jelasnya.



ABDUL FATTAH (dua dari kanan) menyaksikan Yunus (tiga dari kiri) bertukar dokumen perjanjian dengan Ahli Lembaga Pengarah MAAB, Abdullah Muhamad pada majlis menandatangani perjanjian kerjasama strategik antara MAAB dan BSN di Hotel W, Kuala Lumpur semalam.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA